

## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016



## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA GENDER RESPONSIVE AND PARTICIPATORY BUDGETING (GRPB) JULAI - DISEMBER 2016

DISEDIAKAN OLEH

**PENANG WOMEN'S DEVELOPMENT CORPORATION (PWDC)**  
**PERBADANAN PEMBANGUNAN WANITA PULAU PINANG**

### KANDUNGAN

### MUKASURAT

1.0	Pendahuluan	3
2.0	Projek Jabatan Perintis 2016	3
2.1	Pendekatan GRPB bagi Projek Menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell	4
3.0	Pembangunan Kapasiti	4
3.1	Siri Bengkel Latihan GRPB	4
4.0	Persidangan, Bengkel, Mesyuarat di Dalam & Luar Negara	6
4.1	Sidang ADUN Muda Pulau Pinang 2016	6
4.2	2016 Democratic Heritage Tour	6
4.3	Siri “National Workshop on Gender Responsive Budgeting” anjuran UNESCAP	7
4.4	Regional Knowledge Exchange Event: Implementing the Agenda 2030 for Sustainable Development Goals	8
4.5	Mesyuarat: UNDP Country Office gender Focal Points from Asia and the Pacific”	8

## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016

5.0	Lawatan Sambil Belajar ke PWDC	8
5.1	Konrad Adenauer School for Young Politicians (KASYP)	8
5.2	Annual Women's Leaders Exchange 2016	9
6.0	Projek Penyertaan Rakyat GRPB	9
6.1	PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan	10
6.2	Taman Sri Pinang (Turnkey), Sungai Pinang	10
7.0	Penyelidikan dan Penerbitan	11
7.1	Kaji Selidik Ketersediaan Data Pecahan Jantina Di Jabatan/ Agensi Kerajaan	11
7.2	Kaji Selidik dan Analisis Data Mengenai Impak GRPB di PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan	11
7.3	Jurnal “A Better World: Actions and Commitments to the Sustainable Development Goals”, United Nations	11
8.0	Makluman: Ketua Pegawai Eksekutif PWDC yang baru – Ong Bee Leng	12

### **Pasukan Program GRPB**

Penasihat Program GRPB

Pasukan Kerja GRPB

## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016

### 1.0 Pendahuluan

Laporan ini mengandungi aktiviti-aktiviti separuh tahun kedua iaitu dari bulan Julai sehingga Disember 2017 di bawah Program *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB). Laporan Separuh Tahun Pertama iaitu pada bulan Januari – Jun 2016 yang telah dihantar pada 5 Ogos 2016.

Tujuan laporan ini adalah sebagai makluman tentang pencapaian dan pembelajaran di sepanjang perlaksanaan Program GRPB di Pulau Pinang yang telah dilaksanakan dari bulan Julai hingga Disember 2017 di MBPP dan MPSP.

### 2.0 Projek Jabatan Perintis 2016

Proses penginstitusian GRPB di MBPP dan MPSP dilaksanakan dengan berpandukan Pelan Tindakan Strategik (PTS) 2016 – 2018. Jabatan-jabatan MBPP dan MPSP secara berperingkat ditugaskan untuk memilih sekurang-kurangnya satu projek perintis dengan menggunakan pendekatan GRPB.

Projek perintis GRPB bagi 2016 adalah:

MBPP - Projek Lanskap di Kawasan Paya Terubong 3 oleh Jabatan Lanskap

MPSP - Kontrak Komuniti Kebersihan Pulau Aman oleh Jabatan Khidmat Perbandaran,

- Penambahbaikan Pasar Taman Chai Leng oleh Jabatan Perlesenan & Kejuruteraan,
- Penambahbaikan Taman Tunku, Seberang Jaya oleh Jabatan Lanskap bersama UNHabitat; dan
- Projek Kontrak Keselamatan PPR Ampangan

Pemilihan projek bagi jabatan-jabatan perintis yang lain akan diakukan dalam tahun 2017.



Beberapa gambar mesyuarat projek perintis GRPB diantara pegawai PBT, PWDC dan komuniti

## 2.1 Pendekatan GRPB bagi Projek Menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell

Konsep penyertaan rakyat di bawah GRPB telah digunakan dalam projek menaiktaraf Pasar Lebuh Campbell. Jabatan Warisan MBPP dan PWDC telah menjalankan kaji selidik dari aspek sosial ke atas pengguna dan peniaga di kawasan pasar dan penduduk sekitarnya melalui kaedah benci, kumpulan tumpu bincang (*focus group discussion*) dan juga sesi dialog.

Satu bengkel yang bertajuk *Visioning Workshop - Heritage Management Plan* telah dianjurkan oleh Jabatan Konservasi Warisan MBPP pada 25 Ogos 2016 bertempat di Pejabat Think City, Georgetown untuk membincangkan secara mendalam projek pasar tersebut.



Sekitar Sesi Pembentangan dan Perbincangan di *Visioning Workshop*

## 3.0 Pembangunan Kapasiti

Pembangunan kapasiti adalah satu entiti penting dalam proses penginstitusian GRPB. Ia adalah bertujuan untuk menyediakan pegawai dan kakitangan MBPP dan MPSP bagi melaksanakan GRPB dengan jayanya. Selain daripada bengkel dan seminar yang dianjurkan oleh PWDC dengan kerjasama MBPP dan MPSP, pembangunan kapasiti juga termasuk jemputan di dalam dan luar negara untuk berkongsi mengenai GRPB Model Pulau Pinang.

### 3.1 Siri Bengkel Latihan GRPB

Beberapa siri bengkel latihan telah dilaksanakan oleh pihak PWDC bersama MBPP dan MPSP untuk tujuan pembinaan kapasiti terutamanya bagi Pengarah dan Pegawai Penyelaras GRPB di setiap jabatan.

**Bengkel: Gender, Tadbir Urus Baik & GRPB**  
22 September 2016

Kumpulan sasaran: Pegawai Penyelaras GRPB MPSP & MBPP  
Jumlah kehadiran: 28 wanita & 18 lelaki

Objektif:

- Memberi kesedaran gender, tadbir urus baik dan GRPB kepada pegawai penyelaras GRPB di PBT
- Memberi pemahaman bagaimana perspektif gender dapat diintegrasikan ke dalam skop kerja PBT

## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016

### Gender Budget Statement & Sex-Disaggregated Data

30 November 2016

Kumpulan sasaran: Pengarah & Pengawai Penyelaras GRPB MPSP & MBPP  
Jumlah kehadiran: 19 wanita & 18 lelaki

Objektif:

Memberi latihan dalam menggunakan alat GRPB iaitu Kenyataan Bajet Gender (*Gender Budget Statement*) dan Data Pecahan Jantina (*Sex-Disaggregated Data*), dan *Beneficiary Impact Assessment/ Benefit Incidence Analysis*

### Bengkel Pengenalan Dasar Gender Di Pihak Berkua Tempatan

7 & 8 Disember 2016

Kumpulan sasaran: Pengarah & Pegawai Penyelaras GRPB  
Jumlah kehadiran: 36 wanita dan 25 lelaki

Objektif:

1. Memberi pengenalan mengenai polisi gender kepada PBT
2. Mendapatkan pandangan dan cadangan awal bentuk dasar gender yang bersesuaian bagi kegunaan di MBPP & MPSP



Gambar di beberapa siri bengkel latihan GRPB bersama pegawai MBPP dan MPSP

## 4.0 Persidangan, Bengkel & Mesyuarat di Dalam & Luar Negara

### 4.1 Sidang ADUN Muda Pulau Pinang 2016

PWDC telah dijemput untuk membuat perbentangan mengenai GRPB – Model Pulau Pinang di Sidang ADUN Muda Pulau Pinang 2016 pada 5 November 2016 bertempat di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Program ini adalah anjuran Penang Youth Development Corporation (PYDC) dengan kerjasama Pejabat Speaker DUN Pulau Pinang, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Penang Institute (PI).

Pembentangan telah dilakukan oleh Nurul Fatin Fakhriah, Pegawai GRPB-PWDC kepada 20 orang peserta program. Ramai peserta yang menunjuk minat dan bertanyakan soalan dalam sesi tersebut. Antara perkara utama yang dibincangkan dalam program ini adalah pendekatan penyertaan rakyat atau pendekatan *bottom-up* yang dibawa GRPB yang berjaya membawa perubahan yang berkesan dan efektif dalam melaksanakan sesuatu projek pembangunan komuniti.



Wakil PWDC bersama peserta Sidang ADUN Muda 2016

### 4.2 2016 Democratic Heritage Tour

SUARAM dengan kerjasama EXCO Kerajaan Tempatan dan *Local Democracy Initiative* telah menganjurkan 2016 Democratic Heritage Tour pada 4 Disember 2016. Ia memberi peluang masyarakat awam untuk memahami sejarah di mana ahli majlis tempatan dan komuniti telah memainkan peranan dalam membentuk ruang demokrasi di Pulau Pinang. Di samping itu peserta dibawa melawat tempat-tempat yang menjadi sejarah.

Tema aktiviti tersebut bersesuaian dengan konsep GRPB Model Pulau Pinang yang menyentuh kepada penyertaan rakyat. Oleh yang demikian, PWDC yang diwakili oleh Nurul Fatin Fakhriah – Pegawai GRPB, telah dijemput untuk menjadi *resource person* untuk satu sesi perbincangan yang bertajuk “*The Possibilities of Restoring Local Government Election and Discovering the Alternative - Participatory Approach*” yang membincangkan tentang pilihanraya tempatan dan inisiatif partisipatori yang telah dilaksanakan di bawah program GRPB.

Sekitar 20 orang peserta yang terdiri dari pelbagai latar belakang seperti organisasi bukan kerajaan atau NGO, korporat dan lain-lain, masing-masing menunjukkan keterujaan mereka yang pertama kali mengetahui tentang usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya Pihak

## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016

Berkuasa Tempatan yang menjalankan projek GRPB dalam memastikan penyampaian khidmat yang responsif, partisipatif dan efektif kepada komuniti Pulau Pinang.



Sesi Perkongsian PWDC bersama peserta 2016 Democratic Heritage Tour

### 4.3 Siri “*National Workshop on Gender Responsive Budgeting*” anjuran UNESCAP

PWDC telah dijemput oleh *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP) sebagai *resource person* untuk membentangkan mengenai GRPB di Pulau Pinang dalam beberapa siri bengkel yang dijalankan di Laos, Cambodia dan China.

Ia membuka peluang kepada PWDC, MBPP dan MPSP untuk membina jaringan bersama negara serantau dalam usaha menginstitusikan GRPB di pelbagai peringkat kerajaan. Berikut adalah maklumat dan pegawai yang terlibat dalam siri bengkel tersebut:

#### National Workshop on Gender Responsive Budgeting

25 – 26 Ogos 2016, Vientiane, Laos

Pegawai yang terlibat:

Shariza Kamarudin, Pengurus GRPB-PWDC (Pembentang) & Nur Hazwani Husin, Pegawai GRPB-PWDC

#### National Workshop on Gender Responsive Budgeting

26 – 27 September 2016, Phnom Penh, Cambodia

Pegawai yang terlibat:

Shariza Kamarudin, PWDC (pembentang); Nor Shazila Alias, Timbalan Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPSP (*resource person*) & Ubaidillah Abdullah, Penolong Pengarah Jabatan Perlesenan MPSP

#### National Workshop on Gender Responsive Budgeting

17 – 18 November 2016, Beijing, China

Pegawai yang terlibat:

Fatin Zulfahmi, Pegawai GRPB-PWDC (pembentang); Ahmad Syahrir Jaafar, Timbalan Pengarah Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta MPSP (pembentang); Tan Bee Luan, Akauantuan (Belanjawan & Akaun) Jabatan Perbendaharaan MBPP; dan Shahrulazmi Ahmad, Penolong Pegawai Jabatan Penilaian MBPP



#### **4.4 Regional Knowledge Exchange Event: Implementing the Agenda 2030 for Sustainable Development Goals**

PWDC telah dijemput oleh United Nations Development Programme (UNDP) untuk membuat pembentangan dalam Persidangan *Regional Knowledge Exchange Event: Implementing the Agenda 2030 for Sustainable Development* yang diadakan pada 24 – 25 Oktober 2016 bertempat di Bangkok, Thailand.

Mesyuarat ini bertujuan untuk menyediakan ruang perbincangan di kalangan kakitangan kerajaan, badan bukan kerajaan dan wakil-wakil United Nations serta pakar-pakar teknikal yang terlibat dalam proses perancangan, bajet dan pelaksanaan Agenda 2030. PWDC diwakili oleh Ong Bee Leng, Ketua Pegawai Eksekutif dan Shariza Kamarudin, Pengurus Program GRPB (sebagai pembentang) ke persidangan tersebut.

#### **4.5 Mesyuarat “UNDP Country Office Gender Focal Points from Asia and the Pacific”**

PWDC telah dijemput untuk menjadi *resource person* untuk Mesyuarat *“UNDP Country Office Gender Focal Points from Asia and the Pacific”*. Mesyuarat adalah anjuran UNDP Serantau Asia yang diadakan pada 14 – 16 Disember 2016 di Bangkok, Thailand. Ia dihadiri oleh pegawai-pegawai UNDP dari negara India, Nepal, Mongolia, Bangladesh, Indonesia dan Thailand.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan tiga pekara utama iaitu: bagaimana untuk mengintegrasikan gender dalam Sustainable Development Goal; pengenalan inisiatif baru UNDP bertajuk *“Private Sector Gender Seal in Asia and the Pacific”*, dan alat-alat dan tanda aras UNDP untuk menginstitusikan pengarusperdanaan gender di negara-negara terlibat.

### **5.0 Lawatan sambil belajar ke PWDC**

Terdapat dua kunjungan lawatan sambil belajar ke PWDC yang telah diadakan dalam tempoh separuh tahun kedua 2016.

#### **5.1 Konrad Adenauer School for Young Politicians (KASYP)**

*Konrad Adenauer School for Young Politicians* (KASYP) merupakan program latihan politik di bawah *Konrad Adenauer Foundation* yang dijalankan setiap tahun untuk para ahli politik muda di serantau Asia. Ia bermatlamat untuk memperkuatkan sistem demokrasi melalui sesi dialog politik, lawatan sambil belajar dan bengkel latihan.

Kunjungan peserta ke PWDC yang terdiri daripada 25 delegasi ahli politik muda wanita dan lelaki daripada sembilan buah negara iaitu Bangladesh, Kemboja, India, Indonesia, Malaysia,

## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016

Myanmar, Nepal, Filipina dan Timur Leste adalah untuk belajar mengenai program-program PWDC termasuk inisiatif berkaitan “*Role of Gender Responsive and Participatory Budgeting in Provision of Public Service*” yang merupakan sebahagian daripada program KASYP.



PWDC bersama peserta program KASYP

### 5.2 Annual Women’s Leaders Exchange 2016

Satu lawatan sambil belajar telah diadakan ke PWDC pada 30 November 2016 oleh pihak **Asia Pacific Forum on Women, Law and Development** (APLWD) yang membawa 9 orang pemimpin wanita yang terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, wakil-wakil Jabatan Kerajaan dan badan NGO dari Riau, Indonesia. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk belajar konsep GRPB Pulau Pinang untuk dilaksanakan di Pihak Kerajaan Tempatan Riau.



PWDC bersama delegasi dari Riau, Indonesia

## 6.0 Projek Penyertaan Rakyat GRPB

Pendekatan penyertaan rakyat di bawah konsep GRPB mempunyai berbagai cara yang kreatif untuk menggalakkan penyertaan wanita dan lelaki dalam proses membuat keputusan dalam menentukan keperluan dan bajet bagi projek atau program pembangunan awam dan memastikan sumber bajet kepada kumpulan sasaran yang memerlukannya.

Projek penyertaan rakyat yang terus dijalankan sepanjang separuh tahun kedua 2016 adalah di PPR Jalan Sungai, Sungai Pinang; PPR Ampangan, Ampang Jajar; dan Taman Sri Pinang, Sungai Pinang.

## 6.1 PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan

Satu projek yang dinamakan ‘Projek Kita’ telah diperkenalkan di peringkat komuniti. Ia bertujuan memberi peluang kepada komuniti untuk mengusulkan cadangan projek dan program yang dapat memberi manfaat kepada komuniti berdasarkan jumlah dana awam yang telah diperuntukkan di bawah Projek GRPB. Ia merupakan salah satu idea kreatif bagi PBT untuk membuat perancangan bajet tahunan.

Taklimat Penerangan Projek “Projek Kita” telah diadakan pada 20 dan 21 Ogos 2016 yang masing-masing dihadiri oleh sekitar 30 orang dari PPR Jalan Sungai dan 50 orang dari PPR Ampangan.



Sesi Pembentangan & Penilaian Projek oleh kumpulan yang terpilih telah diadakan di PPR Jalan Sungai pada 6 November 2016 dan di PPR Ampangan pada 13 November 2016. Sembilan daripada 13 kumpulan telah berjaya memperoleh dana tersebut dalam jumlah yang berbeza mengikut kesesuaian projek. Sesi Penyerahan Cek dan Perjanjian Penerimaan Dana Projek telah pun diadakan pada 13 Disember 2016.

Kini “Projek Kita” sedang dalam proses pelaksanaannya. Kesemua penerima dana dikehendaki untuk menghantar laporan kewangan, kemajuan dan penilaian projek dalam tempoh enam bulan yang telah ditetapkan oleh PWDC.

## 6.2 Taman Sri Pinang (Turnkey), Sungai Pinang

Berikutan daripada Bancian Penduduk yang telah dilaksanakan pada separuh tahun pertama, satu sesi Kumpulan Tumpu Bincang telah diadakan oleh Jabatan Penilaian MBPP dan PWDC dengan penduduk flat Taman Sri Pinang pada 28 Ogos 2016. Ia bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan penduduk setempat bagi menaik taraf dan menghidupkan semula kawasan lot-lot komersial Taman Sri Pinang ini. Seramai 157 penduduk wanita dan lelaki termasuk kanak-kanak telah hadir ke sesi tersebut.

Hasil dapatan kaji selidik ini telah berjaya mengenal pasti beberapa isu utama yang dihadapi penduduk, peniaga dan pembeli di situ seperti isu keselamatan dan kebersihan sekaligus membincangkan cadangan untuk mengatasi isu-isu yang ada.

Tindakan seterusnya adalah untuk melaksanakan projek ini berdasarkan hasil dapatan kajian.



Gambar sekitar Program Kumpulan Tumpu Bincang di Taman Sri Pinang, Sungai Pinang

## 7.0 Penyelidikan dan Penerbitan

Berikut adalah senarai penyelidikan dan penerbitan yang telah dilakukan dalam tempoh separuh tahun kedua tahun ini.

### 7.1 Kaji Selidik Ketersediaan Data Pecahan Jantina di Jabatan/ Agensi Kerajaan Negeri

Matlamat Program GRPB kini adalah untuk menginstitusikan GRPB di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan seterusnya ke peringkat kerajaan negeri Pulau Pinang. Oleh itu, sebagai langkah awal untuk menginstitusikan GRPB di peringkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, satu kajian mengenai ketersediaan data pecahan jantina (*Sex Disaggregated Data*) sedang dilakukan untuk melihat jurang yang wujud dalam sistem maklumat atau pengkalan data. Projek ini merupakan hasil kerjasama di antara PWDC dan beberapa orang penyelidik dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Hasil daripada kaji selidik ini, satu laporan akan dikeluarkan yang mengandungi data pecahan jantina yang ada di jabatan-jabatan termasuk bagaimana menggunakan alat pengukur GRB dalam membuat analisis seperti *Benefit Incidence Analysis*, *Beneficiary Impact Assessment* dan lain-lain untuk tujuan perancangan bajet tahunan. Kaji selidik ini dijangka siap pada April 2017 ini.

### 7.2 Kaji Selidik mengenai Impak GRPB di PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan


Satu lagi kaji selidik yang sedang dijalankan adalah untuk melihat impak projek GRPB di peringkat komuniti. Fokus kaji selidik adalah tertumpu kepada penduduk di PPR Jalan Sungai dan Ampangan sebagai projek perintis GRPB dari tahun 2012. Kajian ini juga merupakan hasil kerjasama di antara PWDC dan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Gender dan Wanita (KANITA), USM.

Antara hasil yang ingin dicapai daripada kaji selidik tersebut adalah untuk mendapatkan petunjuk (indikator) mengenai keberkesanan GRPB dalam pemerkasaan komuniti (mengikut gender, umur, latarbelakang dan lain-lain). Kajian ini telah pun bermula pada 15 Disember 2016 dan dijadualkan selesai pada 14 Jun 2017.

### 7.3 Buku “A Better World: Actions and Commitments to the Sustainable Development Goals”, United Nations

Satu buku telah diterbitkan akhir tahun ini oleh Tudor Rose (Human Development Forum, United Kingdom) dengan kerjasama United Nations yang bertajuk *A Better World: Actions and Commitments to the Sustainable Development Goals*.

Siri yang pertama (*Volume 1*) telah didedikasikan kepada *Sustainable Development Goals – Goal 5* iaitu Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita (*Gender Equality and Women’s Empowerment*).



## LAPORAN SEPARUH TAHUN KEDUA PROGRAM GRPB JULAI – DISEMBER 2016

Artikel GRPB Model Pulau Pinang yang bertajuk '*Implementing the Gender Responsive and Participatory Budgeting project in Penang local government*' di halaman 90 hingga 93 adalah sebahagian daripada penerbitan tersebut. Artikel tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang <http://pwdc.org.my/resource/>.

### 8.0 Makluman: Ketua Pegawai Eksekutif PWDC yang baru – Ong Bee Leng

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan suka citanya mengumumkan pelantikan Puan Ong Bee Leng sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PWDC bermula dari 1 Julai 2016.



Puan Ong memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan pada tahun 1986 dan Sarjana Sains (Statistik) pada tahun 1997 dari Universiti Sains Malaysia. Puan Ong Bee Leng pernah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti dalam industri pendidikan dan latihan dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Pengalaman beliau sebagai guru sehingga Pengarah Operasi, telah memberikan beliau pengalaman yang amat berharga dalam penyampaian pembelajaran, hala tuju pemasaran, kecemerlangan operasi dan pertumbuhan perniagaan. PWDC percaya pengalaman Puan Ong dalam bidang pengurusan dan dedikasi beliau akan memimpin organisasi untuk mencapai kejayaan yang lebih tinggi.

Kami berharap laporan ini telah memberi maklumat tentang aktiviti-aktiviti di bawah Program GRPB. Sekiranya ingin maklumat lanjut, sila hubungi kami di PWDC.

Sekian.

Salam hormat,

***Shariza Kamarudin***

**Pengurus GRPB, PWDC**

Level 47, KOMTAR, 10503, Pulau Pinang, Malaysia

Tel : +604-261 2835 / 5261 Fax : +604-261 5261

Email : shariza.kamarudin@pwdc.org.my

Website : [www.pwdc.org.my](http://www.pwdc.org.my)

**'Realising Equality Together'**

**14 FEBRUARI 2017**



### Program GRPB

#### Penasihat Program GRPB:



**Datin Rohana Abdul Ghani**  
Ahli Lembaga Pengarah PWDC  
dan Penasihat GRPB

#### Pasukan GRPB, PWDC:

- **Shariza Kamarudin**, Pengurus Program GRPB
- **Mohd Hafizan Mazuki**, Pegawai Kanan Projek GRPB (sehingga 31 Januari 2017)
- **Mohd Yusri Yaacob**, Pegawai Projek GRPB
- **Nurhazwani Husin**, Pegawai Projek GRPB
- **Nurul Fatin Zulfahmi**, Pegawai Projek GRPB



*“.. many of the investments to achieve the sustainable development goals will take place at the subnational level and be led by local authorities” – United Nation, 2015*

